



LAWATAN KERJA STAF UNIT ALUMNI JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI UniMAP KE PEJABAT PEMAJUAN DAN PERHUBUNGAN ALUMNI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Oleh: En. Azfardon Zulkamal Azmi

Pada 14 Disember 2011 yang lalu, Unit Alumni bersama staf HEPA dari unit yang lain dan Persatuan Alumni UniMAP telah mengadakan lawatan ke Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang. Lawatan ini diadakan adalah untuk menimba ilmu dan pengalaman daripada Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni USM menguruskan hal ehwal alumni USM. Antara perkara yang dibincangkan ialah bagaimana Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni USM dan Persatuan Alumni USM bekerjasama menjalankan aktiviti dan berapa yuran yang dikenakan kepada ahli alumni USM.

Perbincangan dimulakan dengan ucapan aluan oleh Encik Azfardon Zulkamal Bin Azmi selaku Pegawai Tadbir Unit Alumni HEPA UniMAP. Antara kakitangan Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni USM yang menyambut ketibaan kami dan terlibat dalam penerangan dan sesi soal jawab ialah Penolong Pendaftar, Puan Sharifah Darweena Syed Ahmad Amir Feisal dan Cik Nor Rafizah Hj Md Zain, Pegawai Teknologi Maklumat, Encik Yusuf Suid, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) , Pn Mazlinda Mydin Pitchay dan seorang wakil dari Persatuan Alumni USM.

Perbincangan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni, Bangunan D02, Universiti Sains Malaysia. Sebaik tamat perbincangan, Penolong Pendaftar Kanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP, Encik Rosfarizal Abd Manan dan Penolong Pendaftar Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni USM, Puan Sharifah Darweena Syed Ahmad Amir Feisal iaitu wakil kedua-dua pihak telah bertukar-tukar cenderahati. Editor majalah alumni USM The Leader iaitu Dr Hamima Dona Mustafa telah membawa rombongan Unit Alumni dan Staf HEPA untuk menjamu selera di Café Anjung Budi.